


# RANCANGAN PENGAJARAN TAHUNAN SAINS

NAMA SEKOLAH:

____________________________________________

_

ALAMAT SEKOLAH:

____________________________________________

_

NAMA GURU:

____________________________________________

_

TAHUN:

____________________________________________

_

# TAHUN 5
# (SK)
# 2024/2025

| MINGGU: 1 | MINGGU ORIENTASI | | | |
|---|---|---|---|---|
| **MINGGU: 2** | **TEMA: INKUIRI DALAM SAINS** | | **TAJUK 1.0 KEMAHIRAN SAINTIFIK** | |
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 1.1 Kemahiran Proses Sains | Murid boleh:<br>1.1.1 Memerhati dengan menggunakan semua deria yang terlibat dan alat jika perlu untuk membuat pemerhatian secara kualitatif bagi menerangkan fenomena atau perubahan yang berlaku.<br>1.1.2 Mengelas dengan membandingkan atau mengenal pasti persamaan dan perbezaan berdasarkan ciri sepunya.<br>1.1.3 Mengukur dan menggunakan nombor dengan menggunakan alat dan unit piawai dengan teknik yang betul.<br>1.1.4 Membuat inferens dengan menyatakan kesimpulan awal atau penerangan yang munasabah bagi sesuatu pemerhatian dengan menggunakan maklumat yang diperoleh. | 1 | Mengingat kembali kemahiran proses sains. | Cadangan aktiviti:<br>Menjalankan penyiasatan yang boleh membawa kepada penguasaan kemahiran proses sains seperti:<br>(i) Menyukat suhu dengan menggunakan alat dan unit piawai dengan teknik yang betul.<br>(ii) Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang menyebabkan pengaratan.<br>(iii) Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang mempengaruhi kecerahan mentol dalam litar bersiri atau litar selari. |
| | | 2 | Memerihalkan kemahiran proses sains. | |

| MINGGU: 3 | TEMA: INKUIRI DALAM SAINS | | TAJUK 1.0 KEMAHIRAN SAINTIFIK | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| | 1.1.5 Meramal dengan membuat jangkaan tentang sesuatu peristiwa atau fenomena berdasarkan pemerhatian, pengalaman lalu atau data.<br><br>1.1.6 Berkomunikasi dengan merekod maklumat atau idea dalam bentuk yang sesuai dan mempersembahkan maklumat atau idea tersebut secara sistematik.<br><br>1.1.7 Menggunakan perhubungan ruang dan masa dengan menyusun kejadian sesuatu fenomena atau peristiwa mengikut kronologi berdasarkan masa. | 3 | Mengaplikasikan kemahiran proses sains untuk melaksanakan sesuatu tugasan. | |
| | 1.1.8 Mentafsir data dengan memilih idea yang relevan tentang objek, peristiwa atau pola yang terdapat pada data untuk membuat penerangan. | 4 | Menganalisis kemahiran proses sains untuk menyelesaikan masalah atau melaksanakan sesuatu tugasan. | |

| MINGGU: 4 | TEMA: INKUIRI DALAM SAINS | | TAJUK 1.0 KEMAHIRAN SAINTIFIK | |
|---|---|---|---|---|
| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| | 1.1.9 Mendefinisi secara operasi dengan memerihalkan satu tafsiran tentang perkara yang dilakukan dan diperhatikan bagi sesuatu situasi mengikut aspek yang ditentukan.<br><br>1.1.10 Mengawal pemboleh ubah dengan menentukan pemboleh ubah bergerak balas dan dimalarkan setelah pemboleh ubah dimanipulasi ditentukan dalam sesuatu penyiasatan.<br><br>1.1.11 Membuat hipotesis dengan membuat pernyataan umum yang boleh diuji tentang hubungan antara pemboleh ubah dalam sesuatu penyiasatan.<br><br>1.1.12 Mengeksperimen dengan menggunakan kemahiran proses sains asas bagi mengumpul dan mentafsir data serta membuat rumusan untuk membuktikan hipotesis dan membuat laporan. | 5 | Menilai kemahiran proses sains untuk menyelesaikan masalah atau melaksanakan sesuatu tugasan. | |
| | | 6 | Mereka bentuk eksperimen bagi menyelesaikan masalah secara sistematik, dan bertanggungjawab ke atas diri, rakan dan alam sekitar. | |
| **MINGGU: 5** | **CUTI PERAYAAN – HARI RAYA AIDILFITRI** | | | |

| MINGGU: 6-7 | TEMA: SAINS HAYAT | | TAJUK : 2.0 MANUSIA | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 2.1 Sistem Rangka Manusia | Murid boleh:<br><br>2.1.1 Memerihalkan fungsi rangka utama manusia.<br><br>2.1.2 Mengenal pasti tulang dan kedudukan sendi dalam sistem rangka manusia.<br><br>2.1.3 Menyatakan fungsi sendi dalam sistem rangka manusia.<br><br>2.1.4 Menaakul kepentingan sistem rangka kepada tubuh manusia.<br><br>2.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang sistem rangka manusia melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 1 | Melabel rangka utama manusia. | Nota:<br><br>Fungsi rangka utama manusia: |
| | | 2 | Memerihalkan fungsi setiap bahagian utama yang terlibat dalam sistem peredaran darah. | Cadangan aktiviti:<br><br>Memerhati model/rajah rangka manusia untuk mengenal pasti tulang dan kedudukan sendi. |

<table>
<tr><th>MINGGU: 8</th><th colspan="3">TEMA: SAINS HAYAT</th><th>TAJUK : 2.0 MANUSIA</th></tr>
<tr><th rowspan="2">STANDARD KANDUNGAN</th><th rowspan="2">STANDARD PEMBELAJARAN</th><th colspan="2">STANDARD PRESTASI</th><th rowspan="2">CATATAN</th></tr>
<tr><th>T.P</th><th>TAFSIRAN</th></tr>
<tr>
<td>2.2 Sistem Peredaran Darah Manusia</td>
<td>Murid boleh:<br><br>2.2.1 Memerihalkan fungsi bahagian utama yang terlibat dalam sistem peredaran darah manusia.<br><br>2.2.2 Melakar laluan peredaran darah yang lebih oksigen dan laluan peredaran darah yang lebih karbon dioksida dalam tubuh manusia.<br><br>2.2.3 Merumuskan kepentingan sistem peredaran darah kepada tubuh manusia.<br><br>2.2.4 Menjelaskan pemerhatian tentang sistem peredaran darah manusia melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.</td>
<td>3</td>
<td>Melakar laluan peredaran darah manusia.</td>
<td>Nota:<br><br>Fungsi bahagian utama dalam sistem peredaran darah:
<table>
<tr><th>Bahagian</th><th>Fungsi</th></tr>
<tr><td>Jantung</td><td>mengepam darah ke peparu dan seluruh tubuh</td></tr>
<tr><td>Peparu</td><td>tempat pertukaran gas karbon dioksida dengan oksigen</td></tr>
<tr><td>Salur darah</td><td>mengangkut darah ke seluruh tubuh</td></tr>
</table>
<br>Gambarajah blok kitaran laluan peredaran darah dalam tubuh manusia:<br>


</td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 4 | Menaakul kepentingan sistem rangka dan sistem peredaran darah kepada tubuh manusia. | manusia |

| **MINGGU: 9-10** | **TEMA: SAINS HAYAT** | | **TAJUK : 2.0 MANUSIA** | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 2.3 Perkaitan antara Sistem dalam Tubuh Manusia | Murid boleh: | 5 | Menjana idea kepentingan penjagaan semua sistem dalam tubuh manusia. | Nota:<br><br>Contoh perkaitan antara sistem dalam tubuh manusia:<br><br>(i) Apabila seseorang itu tercekik makanan (sistem pencernaan), saluran pernafasan akan tersumbat (sistem pernafasan).<br>(ii) Apabila tulang tangan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2.3.1 Menjelaskan melalui contoh perkaitan antara sistem dalam tubuh manusia.<br>2.3.2 Menaakul kepentingan penjagaan semua sistem dalam tubuh manusia supaya berfungsi dengan sempurna.<br>2.3.3 Menjana idea cara memelihara sistem dalam tubuh manusia bagi menjamin kehidupan yang sihat.<br>2.3.4 Menjelaskan pemerhatian tentang perkaitan antara sistem dalam tubuh manusia melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | | | patah (sistem rangka), tangan akan membengkak kerana pengaliran darah terganggu (sistem peredaran darah). |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif tentang perkaitan antara sistem dalam tubuh manusia. | Sistem dalam tubuh manusia yang boleh dikaitkan seperti pencernaan, peredaran darah, pernafasan dan rangka manusia. |

| **MINGGU: 11** | **TEMA: SAINS HAYAT** | | **3.0 HAIWAN** | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 3.1 Kemandirian | Murid boleh: | | | Nota: |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Spesies Haiwan | 3.1.1 Menyatakan maksud kemandirian spesies.<br><br>3.1.2 Menjelas dengan contoh ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri daripada musuh.<br><br>3.1.3 Menjelas dengan contoh ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri daripada cuaca melampau.<br><br>3.1.4 Mengenal pasti cara haiwan melindungi telurnya.<br><br>3.1.5 Mengenal pasti cara haiwan memastikan anaknya terus hidup. | 1 | Menyatakan ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | Kemandirian spesies ialah keupayaan haiwan dan tumbuhan untuk mengekalkan spesiesnya bagi mengelakkan kepupusan.<br><br>Ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri daripada musuh seperti:<br>(i) Memutuskan anggota badan;<br>(ii) Menyembur dakwat hitam;<br>(iii) Mempunyai mata palsu.<br><br>Galakkan penggunaan TMK untuk membuat pemerhatian pelbagai ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri. |
| | | 2 | Memerihalkan ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | |
| | | 3 | Menjelas dengan contoh ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | |

**CUTI PENGGAL 1, SESI 2024/2025**

**KUMPULAN A: 24.05.2024 - 02.06.2024, KUMPULAN B: 25.05.2024 - 02.06.2024**

| **MINGGU: 12-13** | **TEMA: SAINS HAYAT** | | **3.0 HAIWAN** | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3.1 Kemandirian Spesies Haiwan | Murid boleh:<br><br>3.1.1 Menyatakan maksud kemandirian spesies.<br><br>3.1.2 Menjelas dengan contoh ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri daripada musuh.<br><br>3.1.3 Menjelas dengan contoh ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri daripada cuaca melampau.<br><br>3.1.4 Mengenal pasti cara haiwan melindungi telurnya.<br><br>3.1.5 Mengenal pasti cara haiwan memastikan anaknya terus hidup. | 1 | Menyatakan ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | Nota:<br><br>Kemandirian spesies ialah keupayaan haiwan dan tumbuhan untuk mengekalkan spesiesnya bagi mengelakkan kepupusan.<br><br>Ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri daripada musuh seperti:<br>(iv) Memutuskan anggota badan;<br>(v) Menyembur dakwat hitam;<br>(vi) Mempunyai mata palsu.<br><br>Galakkan penggunaan TMK untuk membuat pemerhatian pelbagai ciri dan tingkah laku khas haiwan untuk melindungi diri. |
| | | 2 | Memerihalkan ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | |
| | | 3 | Menjelas dengan contoh ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | |

| **MINGGU: 14-15** | **TEMA: SAINS HAYAT** | | **3.0 HAIWAN** | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |

| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
|---|---|---|---|---|
| | 3.1.6 Menjelaskan pemerhatian tentang kemandirian spesies haiwan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 4 | Membina pengurusan grafik tentang ciri dan tingkah laku khas haiwan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | Nota:Tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada cuaca melampau seperti:<br>(i) Berendam dalam lumpur: kerbau;<br>(ii) Bermigrasi: burung bangau, paus;<br>(iii) Berhibernasi: tupai tanah.<br><br>Cara haiwan melindungi telur seperti:<br>(i) Menyembunyikan telur: buaya, cicak, rama-rama;<br>(ii) Telur diselaputi lendir: katak;<br>(iii) Mengeram telur: penguin.<br><br>Cara haiwan memastikan anaknya terus hidup seperti:<br>(i) Membawa anak dalam kantung: kanggaru;<br>(ii) Membawa anak dalam mulut: buaya, ikan kelisa;<br>(iii) Menyerang apabila anaknya diganggu: ayam, kucing. |
| 3.2 Mereka Cipta Model Haiwan | Murid boleh:<br><br>3.2.1 Mencipta model haiwan imaginasi yang boleh melindungi diri daripada musuh dan cuaca melampau.<br><br>3.2.2 Menaakul ciri khas pada model haiwan imaginasi bagi melindungi diri daripada musuh dan cuaca melampau.<br><br>3.2.3 Berkomunikasi tentang ciri khas haiwan bagi mengagumi ciptaan Tuhan dalam memastikan keseimbangan alam semula jadi.<br><br>3.2.4 Menjelaskan pemerhatian tentang model haiwan imaginasi melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 5 | Meramal tentang cara haiwan lain melindungi diri berdasarkan pengetahuan tentang ciri atau tingkah laku khas haiwan tersebut. | |
| | | 6 | Mereka bentuk model haiwan imaginasi dengan mengaplikasikan pengetahuan tentang ciri dan tingkah laku khas haiwan serta membuat penaakulan tentang ciri tersebut. | |

| MINGGU: 16-17 | TEMA: SAINS HAYAT | 3.0 HAIWAN |
|---|---|---|

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 3.3 Hubungan Makanan antara Hidupan | Murid boleh:<br><br>3.3.1 Menyatakan maksud rantai makanan.<br><br>3.3.2 Mengenal pasti pengeluar dan pengguna dalam rantai makanan.<br><br>3.3.3 Merumus tentang hubungan makanan antara hidupan dengan proses fotosintesis dari aspek perpindahan tenaga berdasarkan rantai makanan.<br><br>3.3.4 Menyatakan maksud siratan makanan.<br><br>3.3.5 Membina siratan makanan di pelbagai habitat. | 1 | Menyatakan sumber tenaga utama dalam hubungan makanan. | Nota:<br><br>Rantai makanan menunjukkan bagaimana tenaga daripada matahari diserap oleh tumbuhan hijau untuk menjalankan fotosintesis dan dipindahkan daripada pengeluar kepada pengguna. |
| | | 2 | Mengenal pasti pengeluar dan pengguna dalam rantai makanan. | |
| | | 3 | Membina siratan makanan suatu habitat. | |
| | | 4 | Menaakul kepentingan hubungan makanan antara hidupan dari aspek perpindahan tenaga. | |

| MINGGU:18 | TEMA: SAINS HAYAT | | 3.0 HAIWAN | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| | 3.3.6 Meramalkan kesan terhadap hidupan lain jika berlaku perubahan populasi dalam siratan makanan suatu habitat.<br><br>3.3.7 Menjelaskan pemerhatian tentang hubungan makanan antara hidupan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 5 | Meramal kesan perubahan populasi hidupan dalam siratan makanan. | |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif tentang perpindahan tenaga dalam hubungan makanan antara hidupan dan mempersembahkannya. | |

| MINGGU: 19-20 | TEMA: SAINS HAYAT | | 4.0 TUMBUHAN | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 4.1 Kemandirian Spesies Tumbuhan | Murid boleh:<br><br>4.1.1 Menjelas dengan contoh ciri khas tumbuhan untuk melindungi diri daripada musuh.<br><br>4.1.2 Menjelas dengan contoh ciri khas tumbuhan untuk menyesuaikan diri dengan iklim dan perubahan musim.<br>4.1.3 Menjelaskan pemerhatian tentang kemandirian spesies tumbuhan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 1 | Menyatakan cara tumbuhan memencarkan biji benih atau buah. | |
| | | 2 | Memerihalkan ciri khas tumbuhan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | |
| | | 3 | Menjelas dengan contoh ciri khas tumbuhan bagi memastikan kemandirian spesiesnya. | |

| MINGGU: 21-22 | TEMA: SAINS HAYAT | | | TAJUK: 4.0 TUMBUHAN |
|---|---|---|---|---|
| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 4.2 Pencaran Biji Benih | Murid boleh:<br><br>4.2.1 Menyatakan cara tumbuhan memencarkan biji benih atau buah.<br><br>4.2.2 Menghubungkait cara pencaran dengan ciri biji benih atau buah.<br><br>4.2.3 Meramal cara pencaran bagi suatu biji benih berdasarkan ciri biji benih tersebut.<br><br>4.2.4 Menjelaskan pemerhatian tentang pencaran biji benih melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 4 | Membina pengurusan grafik untuk menunjukkan hubung kait ciri biji benih dengan cara pencaran. | Nota:<br><br>Cara tumbuhan memencarkan biji benih atau buah seperti:<br>(i) Melalui air;<br>(ii) Melalui angin;<br>(iii) Melalui manusia dan haiwan;<br>(iv) Mekanisma letupan.<br><br>Kepentingan kemandirian spesies haiwan dan tumbuhan seperti:<br>(i) Sumber makanan yang berterusan kepada hidupan.<br>(ii) Mengelakkan kepupusan.<br>(iii) Saling kebergantungan antara pelbagai hidupan untuk |
| | | 5 | Menyokong ramalan tentang cara tumbuhan lain melindungi diri dan menyesuaikan diri berdasarkan pengetahuan ciri khas tumbuhan tersebut. | |
| | | | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif tentang kepentingan | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 6 | kemandirian spesies haiwan dan tumbuhan dalam memastikan keseimbangan alam. | mengekalkan keseimbangan alam.<br><br>Murid meramal cara pencaran yang telah dipelajari bagi suatu biji benih lain. |

| MINGGU: 23-24 | TEMA: SAINS FIZIKAL | | TAJUK: 5.0 ELEKTRIK | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 5.1 Sumber Tenaga Elektrik | Murid boleh<br>5.1.1 Menjelas dengan contoh sumber yang menghasilkan tenaga elektrik. | 1 | Memberi contoh sumber yang menghasilkan tenaga elektrik. | |
| 5.2 Litar Bersiri dan Litar Selari | Murid boleh: | 2 | Mengenal pasti litar bersiri dan litar selari berdasarkan rajah litar yang diberi. | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 5.2.1 Mengenal pasti susunan mentol secara bersiri dan selari dalam litar elektrik lengkap.<br>5.2.2 Melakar rajah litar bersiri dan litar selari menggunakan simbol.<br>5.2.3 Membanding dan membezakan kecerahan mentol dalam litar bersiri dan litar selari. | | | |

| **MINGGU: 24-25** | **TEMA: SAINS FIZIKAL** | | **TAJUK: 5.0 ELEKTRIK** | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 5.2.4 Mengeksperimen untuk membezakan kecerahan mentol dalam litar bersiri atau selari dengan mengubah bilangan mentol.<br><br>5.2.5 Mengeksperimen untuk membezakan kecerahan mentol dalam litar bersiri atau selari dengan mengubah bilangan sel kering.<br><br>5.2.6 Menyatakan keadaan mentol apabila beberapa suis ditutup atau dibuka dalam litar bersiri dan litar selari dengan menjalankan aktiviti.<br><br>5.2.7 Menjelaskan pemerhatian tentang litar bersiri dan litar selari melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 3 | Membina litar bersiri dan litar selari dan melakar rajah menggunakan simbol. | |
| | | 4 | Menjana idea kesan kecuaian pengendalian peralatan elektrik. | |

| **MINGGU:26** | **TEMA: SAINS FIZIKAL** | | **TAJUK: 5.0 ELEKTRIK** | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |

| | | N | | |
|---|---|---|---|---|
| 5.3 Keselamatan Pengendalian Peralatan dan Penjimatan Elektrik | Murid boleh:<br><br>5.3.1 Menjana idea faktor yang mempengaruhi penggunaan tenaga elektrik dengan menjalankan aktiviti.<br>5.3.2 Menjelas dengan contoh kesan kecuaian pengendalian peralatan elektrik.<br>5.3.3 Memerihalkan langkah keselamatan ketika mengendalikan peralatan elektrik.<br><br>5.3.4 Menjelaskan pemerhatian tentang keselamatan pengendalian peralatan dan penjimatan elektrik melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 5 | Membuat kesimpulan faktor yang mempengaruhi kecerahan mentol dalam litar bersiri dan litar selari dari aspek bilangan mentol dan bilangan sel kering. | Cadangan aktviti:<br><br>Menjalankan aktiviti menganalisis penggunaan tenaga elektrik di rumah atau sekolah berdasarkan bil elektrik bulanan. |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif tentang keselamatan pengendalian peralatan dan penjimatan elektrik ke arah kehidupan yang lestari. | |
| **CUTI PENGGAL 2, SESI 2024/2025**<br><br>**KUMPULAN A: 13.09.2024 - 21.09.2024, KUMPULAN B: 14.09.2024 - 22.09.2024** | | | | |

| **MINGGU: 27-29** | **TEMA: SAINS FIZIKAL** | | **TAJUK: 6.0 HABA** |
|---|---|---|---|
| **STANDARD** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | **CATATAN** |

| KANDUNGAN | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
|---|---|---|---|---|
| 6.1 Haba dan Suhu | Murid boleh:<br><br>6.1.1 Menyatakan maksud haba dan suhu.<br><br>6.1.2 Menyukat suhu dengan menggunakan alat dan unit piawai dengan teknik yang betul.<br>6.1.3 Menggunakan perhubungan ruang dan masa untuk melihat perubahan suhu apabila ais dipanaskan dan menentukan takat beku dan takat didih air dengan menjalankan aktiviti.<br>6.1.4 Memerihalkan perubahan suhu air apabila air panas disejukkan ke suhu bilik.<br>6.1.5 Membuat kesimpulan tentang kesan ke atas bahan apabila menerima haba dan apabila kehilangan haba dengan menjalankan aktiviti. | 1 | Menyatakan maksud haba dan suhu. | Nota:<br><br>Langkah keselamatan perlu diambil kira semasa menjalankan aktiviti pemanasan air.<br><br>Kesan haba ke atas bahan apabila menerima dan apabila kehilangan haba seperti:<br>(i) Bahan menjadi panas atau sejuk.<br>(ii) Suhu bahan meningkat atau menurun.<br>(iii) Bahan mengembang atau mengecut.<br><br>Cadangan aktiviti:<br><br>Murid menyukat suhu air daripada peringkat ais sehingga mencapai takat didih. |
| | | 2 | Menyukat takat didih dan takat beku air. | |
| | | 3 | Mengitlak bahawa bahan menjadi panas apabila menerima haba dan menjadi sejuk apabila kehilangan haba. | |

| MINGGU: 30 | TEMA: SAINS FIZIKAL | | TAJUK: 6.0 HABA |
|---|---|---|---|
| STANDARD | | STANDARD PRESTASI | |

| KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | 6.1.6 Menaakul kepentingan aplikasi prinsip pengembangan dan pengecutan bahan dalam kehidupan harian.<br><br>6.1.7 Menjelaskan pemerhatian tentang haba dan suhu air melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 4 | Menjelaskan melalui contoh tentang pengembangan dan pengecutan bahan dari segi penerimaan dan kehilangan haba. | Nota:<br><br>Apabila air panas dibiarkan, suhu air akan menurun sehingga sama dengan suhu persekitaran dan tidak berubah.<br><br>Cadangan aktiviti:<br><br>Murid menjalankan aktiviti untuk menunjukkan kesan pengembangan dan pengecutan bahan seperti:<br>(i) Memanaskan bebola besi atau gelang.<br>(ii) Memanas dan menyejukkan air berwarna dalam kelalang kon dengan salur kaca.<br>(iii) Merendam botol yang dipasang belon pada mulutnya ke dalam air panas dan ais. |
| | | 5 | Mentafsir data daripada graf suhu air lawan masa untuk menentukan takat beku dan takat didih. | |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif bagi menyelesaikan masalah dengan mengaplikasikan pengetahuan tentang kesan penerimaan dan kehilangan haba. | |

| MINGGU: 31-32 | TEMA: SAINS BAHAN | 7.0 PENGARATAN |
|---|---|---|

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 7.1 Pengaratan Bahan | Murid boleh:<br>7.1.1 Menyatakan ciri objek yang berkarat.<br>7.1.2 Mengitlak bahawa objek yang diperbuat daripada besi boleh berkarat.<br>7.1.3 Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang menyebabkan pengaratan.<br>7.1.4 Memerihalkan cara mencegah pengaratan.<br>7.1.5 Menaakul kepentingan mencegah pengaratan.<br>7.1.6 Menjelaskan pemerhatian tentang pengaratan bahan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 1 | Mengenal pasti objek yang berkarat dan tidak berkarat. | Nota:<br>Ciri objek yang berkarat seperti:<br>(i) Terdapat lapisan warna perang-kemerahan;<br>(ii) Permukaan kasar;<br>(iii) Rapuh.<br>Cadangan aktiviti:<br>Menjalankan projek mencegah pengaratan di sekolah seperti:<br>(i) Mengecat alatan yang boleh berkarat.<br>(ii) Membaik pulih tingkap yang berkarat dengan menyapu minyak. |
| | | 2 | Memerihalkan objek yang berkarat. | |
| | | 3 | Mengitlak bahawa pengaratan berlaku kepada objek yang diperbuat daripada besi. | |
| | | 4 | Membuat kesimpulan faktor yang menyebabkan pengaratan. | |
| | | 5 | Mewajarkan cara mencegah pengaratan yang sesuai berdasarkan objek. | |
| | | 6 | Menjalankan projek mencegah pengaratan pada objek persekitaran dan membuat penaakulan terhadap kaedah yang digunakan. | |

| MINGGU: 33-34 | TEMA: SAINS BAHAN | | 8.0 JIRIM | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 8.1 Keadaan Jirim | Murid boleh:<br><br>8.1.1 Menyatakan jirim wujud dalam keadaan pepejal, cecair dan gas.<br><br>8.1.2 Mengelas bahan atau objek berdasarkan keadaan jirim.<br><br>8.1.3 Mencirikan sifat pepejal, cecair dan gas dengan menjalankan aktiviti.<br><br>8.1.4 Mengitlak bahawa air boleh wujud dalam tiga keadaan jirim dengan menjalankan aktiviti.<br><br>8.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang keadaan jirim melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 1 | Menyatakan jirim wujud dalam keadaan pepejal, cecair dan gas. | Nota:<br><br>Sifat pepejal, cecair dan gas dari segi jisim, memenuhi ruang, isipadu dan bentuk.<br><br>Cadangan aktiviti:<br><br>Membuat analogi tentang susunan zarah bagi pepejal, cecair dan gas melalui aktiviti simulasi. |
| | | 2 | Menyenaraikan proses perubahan keadaan jirim bagi air. | |
| | | 3 | Mengelaskan bahan atau objek berdasarkan keadaan jirim. | |

| MINGGU: 35 | TEMA: SAINS BAHAN | | 8.0 JIRIM | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 8.2 Perubahan Keadaan Jirim Bagi Air | Murid boleh:<br><br>8.2.1 Memerihalkan perubahan keadaan jirim bagi air dengan menjalankan aktiviti.<br><br>8.2.2 Menjelas dengan contoh perubahan keadaan jirim berlaku apabila jirim menerima atau kehilangan haba dengan menjalankan aktiviti.<br><br>8.2.3 Menghubung kait perubahan keadaan jirim bagi air dengan pembentukan awan dan hujan.<br><br>8.2.4 Menjelaskan pemerhatian tentang perubahan keadaan jirim bagi air melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 4 | Membuat kesimpulan proses perubahan keadaan jirim bagi air dari segi menerima atau kehilangan haba | Nota:<br><br>Air boleh berubah keadaan melalui proses pembekuan, peleburan, pendidihan, penyejatan dan kondensasi. |
| | | 5 | Merumuskan perkaitan proses perubahan keadaan jirim dengan pembentukan awan dan hujan. | |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif dengan membuat analogi untuk menerangkan susunan zarah bagi sifat pepejal, cecair dan gas apabila menerima atau kehilangan haba. | |

| MINGGU: 36 | TEMA: BUMI DAN ANGKASA | | | TAJUK: 9.0 FASA BULAN DAN BURUJ |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 9.1 Fasa Bulan | Murid boleh:<br>9.1.1 Menyatakan Bulan tidak mengeluarkan cahaya tetapi memantulkan cahaya Matahari.<br>9.1.2 Memerihalkan Bulan berputar pada paksinya dan pada masa yang sama beredar mengelilingi Bumi dari aspek arah dan tempoh dengan menjalankan simulasi.<br>9.1.3 Menggunakan perhubungan ruang dan masa untuk menggambarkan fasa Bulan dalam satu edaran lengkap mengikut takwim Qamari.<br>9.1.4 Menjelaskan pemerhatian tentang fasa bulan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 1 | Menyatakan Bulan tidak mengeluarkan cahaya. | Nota:<br>Fasa bulan seperti anak bulan, bulan sabit, bulan separa dan bulan purnama.<br>Contoh buruj seperti Belantik, Biduk, Pari dan Skorpio. |
| | | 2 | Mengenal pasti corak dan kegunaan buruj. | |
| | | 3 | Menerangkan tentang pergerakan Bulan dari aspek arah dan tempoh pergerakan. | |
| | | 4 | Membuat urutan yang betul tentang fasa Bulan melalui lakaran. | |

| MINGGU: 37 | TEMA: BUMI DAN ANGKASA | | TAJUK: 9.0 FASA BULAN DAN BURUJ | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 9.2 Buruj | Murid boleh:<br>9.2.1 Mengenal pasti buruj dan corak buruj.<br>9.2.2 Menyatakan kegunaan buruj.<br>9.2.3 Menjelaskan pemerhatian tentang buruj melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif. | 5 | Merumuskan perkaitan tentang fasa Bulan dengan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan. | |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif tentang kewujudan buruj lain dengan mencari maklumat daripada pelbagai media. | |

| MINGGU: 38-39 | TEMA: TEKNOLOGI DAN KEHIDUPAN LESTARI | | 10.0 MESIN | |
|---|---|---|---|---|
| **STANDARD KANDUNGAN** | **STANDARD PEMBELAJARAN** | **STANDARD PRESTASI** | | **CATATAN** |
| | | **TAHAP PENGUASAAN** | **TAFSIRAN** | |
| 10.1 Penggunaan Alat dalam Kehidupan | Murid boleh:<br><br>10.1.1 Menyatakan kegunaan suatu alat yang terdapat di persekitaran murid.<br><br>10.1.2 Menerangkan kombinasi fungsi mesin ringkas pada suatu alat yang membolehkan alat tersebut berfungsi melalui pemerhatian alat sebenar.<br><br>10.1.3 Menaakul kepentingan kombinasi mesin ringkas untuk memastikan alat itu berfungsi dengan sempurna.<br><br>Menjana idea tentang kepentingan ciri penciptaan alat yang lestari. | 1 | Mengenal pasti mesin ringkas dalam suatu alat. | Nota:<br><br>Ciri penciptaan alat yang lestari dari aspek seperti:<br>(i) Kesesuaian bahan;<br>(ii) Jangka hayat;<br>(iii) Penyelenggaraan;<br>(iv) Kos;<br>(v) Mesra alam;<br>(vi) Keselamatan.<br><br>Cadangan aktiviti:<br><br>(i) Memilih alat yang terdapat di persekitaran murid seperti pengasah pensel jenis mekanikal, kereta mainan dan pensel mekanikal.<br>(ii) Memasang alat |
| | | 2 | Memerihalkan kegunaan suatu alat dalam kehidupan harian. | |
| | | 3 | Mengitlak kepentingan kombinasi mesin ringkas yang terdapat pada suatu alat. | |
| | | 4 | Menjelas dengan contoh kombinasi fungsi mesin ringkas pada suatu alat untuk memastikan alat itu berfungsi dengan sempurna. | |
| | | 5 | Menaakul kepentingan ciri penciptaan suatu alat yang lestari. | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 10.1.4 Menjelaskan pemerhatian tentang penggunaan alat dalam kehidupan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.<br>10.1.5 | | | yang telah dileraikan/dibuka untuk memahami bagaimana alat tersebut berfungsi. |
| | | 6 | Berkomunikasi secara kreatif dan inovatif tentang pengubahsuaian suatu alat bagi menjadikan alat yang lebih lestari. | |

| | |
|---|---|
| **CUTI PENGGAL 3, SESI 2024/2025**<br>**KUMPULAN A: 20.12.2024 -28.12.2024, KUMPULAN B: 21.12.2024 -29.12.2024** | |
| 40 | **PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN** |
| 41-42 | **PENGURUSAN AKHIR TAHUN** |
| **CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2024/2025**<br>**KUMPULAN A: 17.01.2025 - 15.02.2025, KUMPULAN B: 18.01.2025 - 16.02.2025** | |

**#MEMERLUKAN RPH LENGKAP UNTUK SETAHUN DAN BORANG TRANSIT PBD?**
#RPH2024/2025 coming soon on FEB 2024.

Sila order melalui website (Autosent by EMAIL): https://rphsekolahrendah.com
@ PM: **017- 4991 336** (WhatsApp link: https://wa.me/60174991336 )

Rozayus Whatsapp Channel (INFO DISKAUN): https://whatsapp.com/channel/0029VaBMmMlICVfgCkJq7x3n
TELEGRAM (FREE RPT & DSKP): https://telegram.me/RPTDSKPSekolahRendah
FB Group (FREE RPT): https://www.facebook.com/groups/freerpt/
FB Page (Contoh RPH): https://www.facebook.com/RozaYusAcademy/
Instagram: https://www.instagram.com/rozayus.academy/
Tiktok: https://www.tiktok.com/@rphrozayus

*UP: Diizinkan untuk share tanpa membuang maklumat yang disampaikan oleh Rozayus Academy

# KEMBARA ILMU MEI 2024

**Kembara Ilmu Cuti Sekolah Bulan Mei 2024.**

**TOKYO, UZBEKISTAN, BEIJING, FINLAND**

**Terbuka kepada semua**

**Trip Kembara Ilmu ini akan dibawa oleh Smart Thinker 4.0 dengan kerjasama Rozayus Academy dan MECK.**

**Check harga pakej dan lihat gambar2 trip sebelum ini dalam channel ni dulu... https://t.me/+IKfsrUK51DI0NGNl**

**Sila wassap untuk maklumat lanjut: https://wa.me/601116412391**

**KELEBIHAN TRIP KAMI YANG TIADA DENGAN TRAVEL LAIN IALAH KAMI AKAN MEMBAWA ANDA MELAWATI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN / SEKOLAH DI NEGARA YANG AKAN DILAWATI KERANA KONSEP KAMI IALAH EDUCATIONAL TRIP !**


MECK GLOBAL EDUCATION
CONSULTANT (KT0452384-K)
EDUCATIONAL TRIP
SCHEDULE 2024
M E C K
SCHOOL HOLIDAY MAY / JUNE 2024
JAPAN
TOKYO
SHIN YOKOHAMA
MAY 26TH - MAY 31ST 2024
6 DAYS 4 NIGHTS
MAY 26TH - JUNE 1ST 2024
7 DAYS 6 NIGHTS
UZBEKISTAN
TASHKENT
SAMARKAND
CHINA
BEIJING
GREAT WALL
MAY 26TH - MAY 31ST 2024
6 DAYS 5 NIGHTS
MAY 26TH - JUNE 1ST 2024
8 DAYS 6 NIGHTS
FINLAND
HELSINKI
ESTONIA